

## Sistem digitalisasi JPJ, MoT: Kerajaan ambil kira beban rakyat

Samadi Ahmad  
am@hmetro.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan menilai dahulu sistem digitalisasi Kementerian Pengangkutan (MoT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dari semua aspek bagi memastikan ia tidak membebankan rakyat.

Menterinya Datuk Seri Dr Wee Ka Siong mengambil contoh penggunaan sistem Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) yang tidak terhad kepada lebuh raya sahaja namun boleh diperluaskan untuk tujuan lain.

Menurutnya, JPJ sedang mengkaji teknologi baharu untuk pendaftaran kenderaan seperti tag RFID, kod QR dan cip bagi memudahkan rakyat.

Katanya, sistem RFID akan membolehkan penguatkuasaan dijalankan melalui automasi bagi memastikan bacaan tepat kenderaan seterusnya meminimumkan kos.

"Perkara ini perlu dibincangkan secara komprehensif membabitkan semua pihak termasuk Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu)," katanya tadi.

Ka Siong berkata, sistem digitalisasi yang baik dapat memudahkan dan tidak membebankan rakyat seperti diperkenalkan Jabatan Imigresen bagi permohonan dan memperbaharui pasport tanpa perlu menunggu lama.

Menurutnya, kementerian akan mempertimbangkan cadangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya semua kenderaan di negara ini diseragamkan dengan 'e-plate' atau digitalisasi keselamatan sebagai langkah untuk pencegahan jenayah.

"Apa sekalipun kaedah pelaksanaannya, ia perlu dilakukan secara bersepadu. Kita kena fikir proses digitalisasi membabitkan keseluruhan perkhidmatan kaunter JPJ," katanya.

**Disiarkan pada: Januari 27, 2022 @ 5:06pm**